



# MEMUGAR NARATIF BAHARU NASIONALISME GOLONGAN MUDA

“Beri aku 10 orang pemuda, nescaya akan kugegarkan dunia” merupakan kata-kata keramat tokoh legenda Soekarno, seorang nasionalis dan Presiden Pertama Republik Indonesia.

Kalimat ini mencerminkan peri pentingnya golongan muda sebagai pewaris kemerdekaan dan penerus usaha pembangunan negara. Nilai golongan muda umpama permata bukan sahaja kerana saiz populasinya yang menjadi sumber modal insan utama negara, malahan mereka merupakan golongan yang paling aktif dan produktif dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Sejak sebelum merdeka lagi, golongan muda telah memainkan peranan yang signifikan terhadap proses pembinaan bangsa dan pembangunan negara. Sumbangan mereka bukan sahaja daripada aspek politik dan pemerintahan, malah turut meliputi aspek ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan. Menurut Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, kaum mudah antara golongan terawal di negara ini yang mempelopori gerakan nasionalisme.

Gerakan nasionalisme awal di rantau Asia muncul di India, China dan negara Timur Tengah. Pada masa yang sama, gerakan nasionalisme di Tanah Melayu mendapat inspirasi daripada Pan-Islami dan gerakan islah di Timur Tengah dengan objektif penyatuan ummah bagi menentang imperialisme dan kolonialisme. Konsep nasionalisme secara umumnya seperti yang disebut oleh ahli falsafah Hans Kohn, merupakan satu ideologi berdasarkan penyerahan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara. Oleh itu, nasionalisme bukanlah

semata-mata bermaksud perjuangan menentang penjajahan. Nasionalisme juga boleh diertikan sebagai perasaan untuk memelihara atau memperluas semangat kebangsaan rakyat dan identiti kebangsaan.

Pelibatan golongan muda dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara hanya dapat direalisasikan apabila wujudnya semangat nasionalisme dalam diri mereka. Semangat cinta akan bangsa dan negara berupaya merangsang sukma golongan muda untuk mempertahankan negara daripada pelbagai pengaruh dan ancaman. Oleh itu, semangat nasionalisme harus disemai dalam diri setiap generasi muda agar tiada yang bersikap apati terhadap urusan kenegaraan. Hal ini perlu dilakukan memandangkan generasi muda era globalisasi dilimpahi dengan pelbagai kemudahan sehingga gagal menjiwai semangat patriotik dan nilai nasionalisme. Berbeza daripada kehidupan yang ditempuhi oleh generasi terdahulu yang bersusah payah berjuang untuk tanah air. Anak muda generasi kini lebih asyik dengan peranti masing-masing dan hiburan.

Apa tidaknya kerana tiada keris perlu dihunus, tiada senjata perlu disandang. Tidak seperti pejuang Mat Kilau, Tok Janggut, Rentap dan Leftenan Adnan Saidi yang bermandi darah demi mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Tidak seperti Dato' Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman yang berkeringat berarak membawa sepanduk menentang Malayan Union. Tidak juga seperti V.T

Sambanthan dan Tan Cheng Lok yang mengetepikan sentimen perkauman demi memastikan tanah air dapat menggap kemerdekaan dengan aman.

Mungkin kerana tidak menempuh kesusahan di bawah cengkaman kolonial dan pelbagai ujian dalam mengisi kemerdekaan menyebabkan sesetengah generasi muda masa kini bersikap acuh tak acuh terhadap bangsa. Mungkin juga mereka kurang memahami perkara yang dimaksudkan dengan semangat kebangsaan. Situasi kini begitu kontradiksi dengan perjuangan generasi terdahulu, namun jangan dibiarkan sikap parokial terus membelenggu golongan muda kerana sejarah telah membuktikan bahawa penyertaan golongan ini amat diperlukan dalam pembinaan bangsa dan kemerdekaan negara.

Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi semangat nasionalisme telah wujud apabila anak-anak muda bangkit mempertahankan bumi Melaka daripada penaklukan Portugis dan Belanda. Tun Fatimah merupakan antara srikandi yang berada di barisan hadapan dengan menyemarakkan obor taat setia tidak berbelah bahagi kepada tanah air.

Seterusnya semangat nasionalisme menjadi sebatian dengan kehidupan para pejuang zaman dahulu hingga ke era pascakemerdekaan. Penduduk Tanah Melayu pada masa lalu melihat dengan mata dan kepala mereka sendiri kezaliman dan keburukan penjajahan apabila tanah, harta dan kuasa mereka dirampas. Masakan anak muda berdarah panas boleh

membiarkan maruah dan martabat bangsa diinjak-injak oleh bangsa asing seolah-olah kita tiada harga diri. Keberanian golongan muda mempertahankan tanah air tidak ubah seperti peribahasa "keladi muda, muda buahnya; menurut hati muda, berkelahi sudahnya".

Sudah tentu rakyat yang sayang akan tanah air bangkit menentang penjajah dengan golongan muda memikul tanggungjawab sebagai penggerak. Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan pada tahun 1939 misalnya digerakkan oleh anak muda yang merupakan pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris, Kolej Pertanian dan Sekolah Teknik Kuala Lumpur.

Gerakan nasionalis prakemerdekaan pada mulanya dilihat rapat dengan gerakan berhaluan kiri dan radikal.



Akhbar *Suara Rakyat*.

Ahmad Boestaman misalnya, pengasas Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Angkatan Pemuda Insaf (API), pada waktu itu hanya berusia 24 tahun semasa mula menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* sebaik-baik sahaja tumbangnya imperialis Jepun pada Ogos 1945. Gandingannya Shamsiah Fakeh pada usia 22 tahun merupakan Ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS), sebuah gerakan politik sayap kiri yang ditubuhkan untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah British. Walau bagaimanapun, Shamsiah Fakeh meneruskan perjuangannya dengan menyertai Rejimen ke-10 Parti Komunis Melayu (PKM) yang merupakan sayap Melayu dalam gerakan radikal tersebut.

Sementara itu, kebanyakan nasionalis muda dalam kalangan elit turut terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan negara. Tun Dr. Mahathir Mohamad misalnya telah menyertai gerakan menentang Malayan Union semenjak beliau berusia 20 tahun lagi. Tun Abdul Razak Hussien pula memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO pada usia 28 tahun. Kemudiannya muncul aktivis muda yang

bukan berlatarbelakangkan feodal seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sejak zaman belia, Dato' Seri Anwar sudah aktif dalam gerakan mahasiswa dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Selain itu, kewujudan gerakan nasionalisme di rantau Asia Tenggara sekitar abad ke-19 dan awal abad ke-20 menunjukkan peranan penting anak muda untuk mencapai perubahan sama ada dalam bentuk melawan penjajahan mahupun mengisi kemerdekaan. Golongan ini sangat aktif dalam pelbagai kegiatan nasionalisme dan menguasai posisi strategik di pelbagai organisasi.

Di Filipina umpamanya, penggerak revolusi terhadap penjajah Sepanyol, Emilio Aguinaldo, yang baru berusia 30 tahun ketika diangkat menjadi Presiden pertama negara tersebut. Manakala Jose Rizal yang merupakan seorang doktor perubahan yang juga penulis dan penggiat seni juga sudah bergiat aktif dalam revolusi ketika beliau berusia 26 tahun.

Gerakan nasionalisme di Myanmar juga pada awalnya dipelopori oleh organisasi belia. Antara pemimpin muda ketika itu, termasuklah Aung San yang menyertai *Dobama Asiayone*, iaitu sebuah parti politik nasional ketika berusia 23 tahun. Aung San merupakan pejuang pembebasan Myanmar yang telah dibunuh pada usia 32 tahun dalam satu komplot yang dikaitkan dengan pentadbiran kolonial.

Negara jiran Indonesia pula cukup sinonim dengan gerakan nasionalisme yang dirintis oleh golongan muda. Nama besar seperti Mohammad Hatta, Tan Malaka dan Soedirman merupakan antara nasionalis terkemuka Indonesia sejak zaman muda mereka. Manakala ikrar "Sumpah Pemuda 1928", telah memberikan inspirasi kepada seluruh gerakan nasionalisme di negara kepulauan terbesar di dunia itu. Naratif kemerdekaan Indonesia yang berkisar mengenai penentangan bersenjata turut menjadi kebanggaan dan sandaran semangat nasionalisme warga Indonesia hingga ke hari ini.

Jelasnya anak muda merupakan tulang belakang gerakan nasionalisme dalam usaha melawan kolonialisme di kebanyakan negara di rantau ini. Peranan anak muda membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat cukup konkrit dan tidak akan pernah terpadam dalam lipatan sejarah. Namun begitu, naratif ini gagal diteladani oleh

sesetengah golongan muda masa kini. perkara yang lebih membimbangkan ialah ada dalam kalangan anak muda sendiri tidak berkongsi citra kemerdekaan sebagai perjuangan mereka. Sebaliknya, perjuangan tersebut dianggap sebagai usaha generasi terdahulu semata-mata.

Negara pada masa ini menghadapi cabaran yang lebih beragam. Penjajahan bukan sahaja menerusi penggunaan senjata. Sebaliknya, negara berdepan dengan penjajahan bentuk baharu termasuklah gelombang neokolonialisme yang menyelip menerusi arus globalisasi dan kecanggihan teknologi. Oleh sebab itu, pemahaman nasionalisme yang sering dikaitkan dengan perjuangan menuntut kemerdekaan mahupun melawan penjajah harus dipugar semula.

Hal ini demikian kerana konsep nasionalisme juga boleh diertikan sebagai perasaan untuk memelihara semangat juang rakyat dan memperluas identiti kebangsaan. Sebarang sikap yang menunjukkan kecintaan terhadap tanah air dan rela berkorban demi negara merupakan ciri-ciri nasionalisme. Situasi ini mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat, menjaga keharmonian dan keselamatan negara, berpegang teguh kepada prinsip rukun negara, malahan menyokong produk keluaran tempatan juga merupakan satu daripada contoh sikap nasionalisme.

Sehubungan dengan itu, naratif gerakan nasionalisme perlu disusun dengan baik agar mampu menembusi sfera pemikiran golongan muda masa kini. Generasi milenium kini terdedah dengan perkembangan teknologi yang kini begitu pesat. Justeru, pendekatan khusus diperlukan untuk mengembalikan perhatian golongan ini kepada semangat nasionalisme tanpa mengubah identiti mereka.

Di samping itu, generasi muda perlu diberi peluang untuk bertindak sebagai jentera utama dalam memacu pembangunan negara. Peranan golongan muda tidak terhad hanya sebagai pengganti sebaliknya mereka perlu bertindak sebagai pengemudi dalam meniti sebuah perjuangan. Seyogianya diingatkan bahawa mereka yang berpotensi harus diberi ruang untuk memimpin dan mengembalikan kegemilangan negara. Manakala generasi lama pula berperanan dalam memberikan tunjuk ajar dan bimbingan demi melahirkan sebuah negara yang aman makmur dan bersatu padu. □

Penulis berkelulusan Sarjana Sains Sosial (Sains Politik), Universiti Kebangsaan Malaysia.